

## **USIA PENGAMBILAN SEMULA PEKERJA DILANJUTKAN KEPADA 67 TAHUN; Majikan usaha sesuaikan sekitaran**

***Ervina Mohd Jamil***

***Berita Minggu***, 17 April 2016

Pekerja warga emas akan mempunyai pilihan bekerja lebih lama selagi sihat dan mempunyai prestasi kerja yang baik. Ini menyusuli pengumuman pemerintah baru-baru ini mahu melanjutkan usia pengambilan semula pekerja daripada 65 kepada 67 tahun mulai Julai tahun depan. Wartawan ERVINA MOHD JAMIL (ervinamj@sph.com.sg) meninjau pengalaman pekerja warga emas dan sumbangan mereka di tempat kerja.

JIKA sesetengah pekerja warga emas tidak sabar menantikan masa bersara, ada juga ingin terus bekerja selagi terdaya.

Hasrat mereka itu kini terpenuhi menyusuli pengumuman pemerintah baru-baru ini. Usia pengambilan semula pekerja akan dilanjutkan daripada 65 tahun kepada 67 tahun mulai 1 Julai tahun depan.

Ini bermakna majikan mesti mengambil semula pekerja yang layak - dengan tahap kesihatan baik dan prestasi kerja memuaskan - selepas usia persaraan rasmi 62 tahun sehingga mereka berusia 67 tahun.

Pekerja itu juga boleh diambil bekerja semula oleh syarikat lain jika mereka setuju. Sekiranya majikan tidak dapat mengambil mereka bekerja semula, majikan harus sekurang-kurangnya memberi mereka bayaran sekali.

Pengumuman itu disambut baik pekerja warga emas di sini yang masih sihat dari segi jasmani dan mental, serta mereka yang ingin menambah simpanan persaraan.

Menurut pakar ekonomi buruh, Profesor Madya Randolph Tan, yang juga Pengarah Pusat Kajian Gunaan UniSIM, majikan boleh memanfaatkan pengalaman pekerja warga emas itu.

Langkah membolehkan pekerja lanjut usia bekerja lebih lama juga boleh membantu majikan mengatasi cabaran dalam pasaran buruh, kata Zamil Penyelidikan Kanan Institut Pengajian Dasar Universiti Nasional Singapura, Dr Faizal Yahya.

"Dengan langkah mengurangkan kemasukan pekerja asing kini, langkah menaikkan usia pengambilan semula pekerja ini satu cara meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh kita," ujarnya.

Perangkaan Kementerian Tenaga Manusia menunjukkan bahawa lebih 40 peratus orang yang berusia 65 hingga 69 tahun masih bekerja tahun lalu, berbanding 24 peratus 10 tahun lalu.

Meskipun Dr Tan berpendapat bahawa kadar pekerja warga emas berusia 65 tahun ke atas boleh ditambah, beliau berkata perubahan tidak harus dilakukan terburu-buru.

Dalam pada itu, Anggota Parlimen Zainal Sapari berkata pemerintah juga menggalak majikan mengambil pekerja tua menerusi daya usaha seperti Kredit Pekerjaan Khas yang boleh membiayai sebahagian gaji pekerja tua.

Meskipun pemerintah turut mengumumkan bahawa undang-undang yang membolehkan majikan memotong gaji pekerja yang mencapai usia 60 tahun bakal ditiadakan, undang-undang masih membolehkan majikan menawarkan mengambil semula pekerja dengan perjanjian baru.

"Kedudukan kesatuan sekerja bagaimanapun adalah menggalak majikan terus mengambil semula pekerja sehingga 67 tahun dengan syarat dan manfaat yang sama," kata Encik Zainal.

Syarikat yang masih belum mempertimbang penyesuaian untuk menyepadukan pekerja tua dalam tenaga kerja mereka mempunyai sekitar 14 bulan bagi membuat persiapan sebelum perlanjutan usia pengambilan semula pekerja itu dilaksanakan.

**Menurut Dr Faizal, majikan antara lain boleh mempertimbang susunan kerja fleksibel (FWA) bagi pekerja warga emas.**

Contohnya, Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan National Healthcare Group (NHG), Cik Olivia Tay, berkata NHG berusaha menghasilkan sekitaran kerja mesra warga emas. Antara lain, ia dilakukan menerusi FWA dan penggunaan teknologi.

"Misalnya, kami memasang kaca pembesar pada troli ubat dan mencetak label dengan saiz huruf lebih besar supaya pekerja lebih tua dapat melihat dengan lebih baik," ujar Cik Tay.

Menurut jurucakap FairPrice, mereka juga mempunyai pelbagai usaha bagi memenuhi keperluan pekerja, termasuk waktu kerja fleksibel dan program latihan.

"Kami mengambil pekerja berdasarkan merit tanpa mengira usia. Pekerja lebih tua juga diundang memohon bagi pelbagai jawatan eksekutif dan bukan eksekutif," katanya.

Tambahnya, sekitar 10 peratus pekerja FairPrice berusia lebih 60 tahun, dengan 95 peratus pekerja yang mencapai usia persaraan rasmi 62 tahun pada 2014 diambil bekerja semula tahun lalu.

Cik Tay berkata NHG pula menawarkan kontrak pengambilan semula pekerja kepada semua pekerja yang layak. Sekitar 97 peratus pekerjanya yang berusia 62 tahun ke atas menerima tawaran itu, sementara mereka yang tidak terima memberi sebab kesihatan dan keluarga.

kesihatan dan keluarga.